

Zakat^{info}



زكاة قريهاتين
Zakat Prihatin

3



Majlis
Penyerahan
Bantuan Rumah
Fakir Miskin

4



Kaunter
Penyerahan
Bantuan Zakat

7



Lawatan Kerja
PPZ MAIWP
Ke ZPP

Keluaran 02/2014 | www.zakatpenang.com.my



PERCUMA



TNB menunaikan zakat untuk haul 2013

Pos Malaysia tunaikan zakat untuk haul 2013

Majlis Penyerahan Bantuan Zakat & Penyerahan Zakat Korporat

Majlis yang bertempat di Perpustakaan Awam Negeri ini telah dirasmikan oleh Y.B Dato' Haji Mohamad Salleh Bin Man, Yang Di Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Majlis ini telah dihadiri seramai 206 penerima bantuan. POS Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad tampil untuk membayar zakat perniagaan masing - masing. POS Malaysia Bhd yang diwakili oleh Tuan Haji Mohamad Nazri Bin Said selaku Pengurus Wilayah Utara menunaikan zakat untuk haul 2013 sebanyak

RM127,973.00. Manakala Tenaga Nasional Berhad yang diwakili oleh En Ir Mohamed Ghous Bin Ahmad selaku Pengurus Besar Bagi Negeri Pulau Pinang juga menunaikan zakat perniagaan untuk haul 2013 sebanyak RM750,694.33. Dalam majlis ini juga, Zakat Pulau Pinang telah menyampaikan cek bantuan dan juga sesi serahan alat bantuan sokongan kepada para penerima bantuan yang hadir pada hari tersebut. Jumlah agihan bantuan pada hari tersebut ialah sebanyak RM180,000.00.

Senarai Nama Penerima Alat Sokongan Perubatandari Sumber Zakat :

Abdul Rahim Bin Hasan Alat Pendengaran (untuk sebelah telinga)	RM2,700.00
Saad Bin Sulong Alat Pendengaran (untuk dua belah telinga)	RM3,000.00
Che Soria Binti Md Kaki Palsu	RM3,800.00
Adnan Bin Md Ali Kakil Palsu (tapak kaki menggunakan spring)	RM4,300.00
Shaik Ahmad Nasdi Bin Shaik Mohammad Freerider Mobility Scooter	RM6,000.00

Shaik Ahmad penerima bantuan sebuah
FreeRider Mobility Scooter



Para penerima bantuan yang hadir

Majlis Penyerahan Bantuan Rumah Fakir Miskin

Zakat Pulau Pinang telah mengadakan program serahan rumah fakir miskin di kampung Paya Keladi, Kepala Batas. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.B Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man, Yang Dipertua MAINPP. Beliau juga telah menyerahkan replika kunci rumah sebagai simbolik penyerahan rumah baru kepada 5 penerima bantuan. Turut hadir dalam majlis tersebut Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, Ir Ahmad Zakiyuddin Bin Abd Rahman dan Puan Rahmah Binti Md Isa. Semoga dengan bantuan rumah yang diberikan kepada asnaf-asnaf tersebut dapat meringankan beban serta dapat menjalani kehidupan dengan lebih sempurna.



Ucapan aluan dari Y.B Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man

Sebahagian daripada penerima bantuan

15 Jun 2014

Seberang Jaya

Program Kesihatan dan Perawatan Secara Islam, "Zakat Prihatin Wanita" telah diadakan di Masjid Jamek Seberang Jaya dari jam 8.30 pagi - 1petang. Program dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, Pn. Rahmah Binti Md Isa. Program kali pertama ini merupakan anjuran bersama Zakat Pulau Pinang bersama dengan Pusat Rawatan An-Naafiu Pengubatan Islam (PUSRAPI) dan

akan diteruskan dengan beberapa siri yang lain. Objektif program adalah bagi mendedahkan kepada peserta tentang kebaikan dan keberkesanan perubatan alternatif ini dan program ini telah berjaya mencapai matlamat dengan menghimpunkan seramai 100 peserta bagi mendengar taklimat berkenaan kesihatan dan rawatan secara islam ini.

Zakat Prihatin Wanita

Antara peserta yang hadir





Skuad Peduli@Santuni Asnaf Zakat

Batu Feringghi

21 Jun 2014

Isu kemiskinan bukan lagi perkara baru dalam kehidupan yang serba moden ini. Apa yang pasti, kesan kemiskinan ini lebih dirasai pada mereka yang tidak berkemampuan untuk menampung kos sara hidup yang tinggi pada masa kini. Justeru itu, ZPP mengambil inisiatif untuk mengurangkan kadar kemiskinan ini melalui program Skuad Peduli Asnaf bagi mendekati asnaf-asnaf yang layak untuk diberikan bantuan.



Muhamad Fuzid Md Isa, Penolong Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang membentangkan kertas kerja beliau.



Antara peserta yang hadir



Perasmian Program

Program Pembangunan Pendidikan Zakat Dalam Ekonomi Koperasi

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (ANGKASA) dengan kerjasama Zakat Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan seminar tentang Pembangunan Pendidikan Zakat Dalam Ekonomi Koperasi. Program tersebut adalah untuk memberi kefahaman serta kesedaran berkenaan zakat perniagaan dalam sektor koperasi, memberi kefahaman tentang kaedah taksiran zakat kepada warga koperasi khususnya dan juga memberi kesedaran tentang pentingnya zakat dan kesan kepada sosio ekonomi. Program ini telah dihadiri seramai lebih kurang 150 orang sekitar negeri Pulau Pinang dari kalangan wakil-wakil Koperasi

Dewasa, Sekolah dan Qariah masjid seluruh Pulau Pinang yang bernaung dibawah ANGKASA. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.bhg Dato' Fattah Hj Abdullah (Presiden ANGKASA). Turut hadir pada majlis tersebut ialah Mohd Fazeli Bin Rosly wakil bagi ANGKASA untuk membentangkan kertas kerja yang bertajuk "Panduan Penaksiran Zakat Perniagaan Koperasi", Ustaz Hj Shahul Hamid turut membentangkan kertas kerja yang bertajuk "Zakat Dalam Menjana Ekonomi Negara" dan Y.Bhg Prof Madya Datok Hj Mohamad Ali Hasan selaku Naib Presiden merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perkhidmatan Syariah Angkasa bagi ucapan penutupan majlis.





Para penerima Bantuan Sabar beratur menunggu giliran masing-masing.

Kaunter Penyerahan Bantuan Zakat

YDP MAJNPP menyerahkan cek bantuan ditemani bersama Pengurus Besar dan AJK masjid.

Kaunter serahan cek bantuan bagi daerah Timur Laut telah berlangsung di Dewan Masjid Kapitan Keling yang bermula dari jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengahari. Penyerahan cek bantuan ini disampaikan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Y.B Dato' Haji Mohamad Salleh Bin Man bersama-sama dengan ahli lembaga pengarah Zakat Pulau Pinang. Jumlah agihan zakat pada program tersebut sebanyak RM 126,750.00 dengan jumlah penerima seramai 190 orang. Kaunter ini di adakan bagi memudahkan penerima-penerima bantuan dari daerah Timur Laut untuk menerima bantuan mereka dan mengeratkan lagi ikatan silaturrahim bersama asnaf dan ZPP.

10 April 2014

Penaga



Peduli@ Santuni Asnaf

Di atas keprihatinan ZPP bersama Ustaz Roshidi Bin Hussein, Penyelaras KADUN Penaga merangkap Ahli Majlis Agama dan En Taufik Md. Noor, Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah berkunjung ke rumah pemohon bantuan untuk menghulurkan bantuan di sekitar Penaga Kepala Batas. Hasil siasatan Zakat Pulau Pinang dan maklumat yang diperolehi membolehkan pihak Zakat Pulau Pinang memberikan bantuan kepada En Arshat Bin Said. Beliau menerima alat sokongan berupa kaki palsu bagi kegunaan hariannya.

Menemubual En Arshat, bertanyakan khabar keadaan terkini beliau





Program Halal Pulau Pinang 2014

Program Halal Pulau Pinang 2014 dengan kerjasama Zakat Pulau Pinang, JAIPP, Jabatan Kesihatan Pulau Pinang, MARA Pulau Pinang dan Wakaf Johor telah berjaya menarik minat peserta seramai 150 orang di kalangan usahawan dan peniaga dari bimbingan MARA, Koperasi Negeri dan wakil-wakil Jabatan Kerajaan. Majlis yang berlangsung selama sehari ini telah dirasmikan oleh Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang

Haji Azman Bin Abdul Samat. Matlamat utama penganjuran program sebegini ialah untuk memberi pendedahan dan kesedaran berkenaan kepentingan dan keperluan halal serta memaksimumkan standard halal yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak pengguna, pengeluar, usahawan dan masyarakat khususnya di negeri Pulau Pinang.



ZAKAT PULAU PINANG



Memberi tumpuan pada taklimat dari Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang



Membincangkan tentang struktur binaan projek bantuan perumahan.

Lawatan Kerja PPZ MAIWP Ke ZPP

Zakat Pulau Pinang (ZPP) menerima kunjungan dari Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) yang mengadakan lawatan korporat ke ZPP. Delegasi ini terdiri daripada 10 orang dan di ketuai oleh Y.Bhg. Datuk Haji Che Mat Che Ali, Pengerusi PPZ dan Tuan Haji Mohd Rais Bin Haji Alias, Ketua Pegawai Eksekutif PPZ serta beberapa Pegawai Kanan dari PPZ. Objektif utama lawatan kerja itu adalah untuk membina satu rangkaian kerjasama lebih erat dalam apa juga aspek berkaitan perkembangan syiar zakat di Wilayah Persekutuan dan juga Pulau Pinang. Melalui kunjungan ini juga, diharapkan kedua-dua pihak dapat membangunkan institusi pengurusan zakat di Malaysia.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Program Tanggungjawab Sosial Korporat 2014 yang telah dianjurkan oleh PETRONAS dan Barakah Offshore Petroleum dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kampung Pelet bersama Zakat Pulau Pinang telah banyak membantu asnaf dan fakir miskin disekitar kawasan tersebut. Beberapa agensi kerajaan dan swasta turut menjayakan program ini dan antara aktiviti yang telah diaturkan adalah seperti gotong-royong dan juga baik pulih rumah. Dalam program tersebut Zakat Pulau Pinang turut menyumbangkan bantuan hamper makanan kepada asnaf-asnaf yang terlibat. Di harap program kerjasama seperti ini akan berterusan di masa akan datang.


Turut sama menyumbang tenaga

Beberapa wakil agensi bergambar bersama penerima bantuan.

Ucapan aluan dari pihak pengajar




Sesi Soal Jawab Berlangsung.



YB Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon juga turut hadir dalam program ini.



Sesi Pembentangan dari Mohamad Fuad Md Isa, Penolong Pengurus Besar, Zakat Pulau Pinang.

Seminar Zakat Perniagaan Perdana

Program yang berlangsung di Dewan Perdana, Hotel Cititel ini telah menarik minat seramai 100 orang peserta yang terdiri dari wakil - wakil persatuan dan peniaga tunggal khususnya dari kalangan India muslim di sekitar negeri Pulau Pinang. Majlis yang dimulakan dengan slot pembentangan yang bertajuk "Agihan Zakat - Suatu Perkongsian Zakat Pulau Pinang" yang dibentangkan oleh En. Mohamad Fuad Md Isa, Penolong Pengurus Besar, Zakat Pulau Pinang. Turut hadir sama dalam majlis tersebut sebagai penceramah jemputan ialah Dato' Haji Ellias Bin Zakaria, Mantan YDP, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang menyampaikan ceramah bertajuk "Zakat dan Institusi Amil". Antara tetamu yang

turut serta dalam program ini ialah Y.B Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, Tuan Haji Salim @ Saleem Bin Manshor dan En. Mohammad Noor Bin Che Man @ Harun Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang. Matlamat utama penganjuran seminar ini ialah untuk memberi pendedahan dan kesedaran tentang kepentingan kewajipan berzakat khususnya zakat perniagaan. Selain itu juga, seminar ini bertujuan mendedahkan kepada masyarakat tentang aktiviti dan program pembangunan asnaf yang disediakan di bawah peruntukan zakat.





Bank Rakyat Tunai Zakat

Bank Rakyat telah menunaikan zakat perniagaan sebanyak RM1,080,071.00 bagi haul 2013 kepada Zakat Pulau Pinang, MAINPP dalam satu majlis ringkas di kediaman Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas di Seri Mutiara baru-baru ini. Pembayaran Zakat Perniagaan tersebut yang diwakilkan oleh En Bahar Bin Embi selaku Naib Presiden Kanan Produk dan Perkhidmatan Bank Rakyat serta 8 kakitangan kanan dari setiap bahagian. Tuan Yang Terutama Tun

Dato Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas berbesar hati mewakili Zakat Pulau Pinang untuk menerima pembayaran tersebut. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang DiPertua MAINPP, Y.B. Dato' Haji Mohd Salleh Bin Man serta beberapa Ahli Lembaga Zakat Pulau Pinang yang lain iaitu Y.Bhg Dato' Haji Sazali Bin Hussein, Y.B. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait, Y.Bhg. Dato' Mustafa Bin Yusoff dan Y.Bhg. Dato' Haji Salim Bin Manshoor.

Saya telah membuat potongan zakat berjadual atas gaji/pendapatan saya setiap bulan. Setiap bulan juga saya membuat simpanan dari gaji saya ke dalam bank. Adakah perlu saya mengeluarkan zakat simpanan sedangkan saya juga telah membayar zakat pendapatan? Ini bermakna saya telah membayar dua kali zakat dari sumber yang sama?

Jawapan:

Zakat Pendapatan dan Zakat Simpanan adalah dua jenis zakat yang berbeza walaupun dari sumber yang sama. Zakat Pendapatan dikira dari sumber pendapatan semasa manakala Zakat Simpanan dikira selepas genap setahun simpanan tersebut dan mencukupi nisab.

Saya baru bekerja selama tiga tahun, dan alhamdulillah saya telah membuat potongan gaji untuk membayar zakat pendapatan Soalan saya, bagaimana dengan pendapatan saya selama 2 tahun yang lalu, adakah saya kena denda atau bolehkah saya membayar zakat? Bagaimana kadarnya?

Jawapan:

Bayaran zakat pendapatan adalah wajib ke atas setiap orang Islam. Kadar yang wajib dikenakan ialah 2.5%. Oleh yang demikian tuan dinasihatkan supaya membayar zakat gaji yang tertangguh 2 tahun lepas (qadha zakat). Tuan tidak dikenakan sebarang denda. Pengiraan boleh dibuat berdasarkan pendapatan pada tahun tersebut.

Bolehkah seseorang itu memberi zakat kepada ahli keluarganya yang miskin?

Jawapan:

Zakat tidak boleh diberikan kepada mereka yang berada dibawah tanggungan seseorang. Maka, tidak boleh seorang bapa memberi zakat kepada anak perempuannya yang masih belum berkahwin, atau kepada isterinya. Kerana mereka adalah dibawah tanggungannya. Tetapi isteri boleh beri zakat kepada suami yang miskin kerana suami bukan tanggungannya.

Ibu bapa yang sudah tidak mampu menampung kehidupan mereka sendiri, maka menjadi kewajipan anak-anak mereka untuk menanggung mereka. Oleh itu, tidak boleh beri zakat kepada mereka, walaupun mereka tergolong dari 8 asnaf.

Seorang kakak atau adik wanita yang tidak mampu menampung diri atau keluarganya sendiri, maka menjadi kewajipan bapanya atau adik-beradik lelaki untuk membantunya. Oleh itu, adik lelaki atau abang tidak boleh beri zakat kepada adik-beradik perempuannya yang susah. Namun, jika adik beradik perempuan itu sudah berumahtangga, maka menjadi kewajipan suaminya menanggung mereka. Tetapi jika suami mereka miskin, maka adik beradik lelaki boleh beri zakat kepada suami adik-beradik perempuan mereka, kerana suami itu bukan tanggungan mereka.



Analisa

ANALISA AGIHAN ZAKAT DARI 01 MAC 2014 – 30 JUN 2014

No.	Asnaf	Jumlah
1	Fakir	RM 1,593,870.00
2	Miskin	RM 8,297,754.00
3	Muallaf	RM 332,961.00
4	Ghorimin	RM 476,973.00
5	Ibnu Sabil	RM 73,080.00
6	Fisabilillah	RM 5,055,357.00

Jumlah

RM 15,829,996.00

ANALISA KUTIPAN ZAKAT DARI 01 JAN 2014 ~ 15 MAC 2014

PENERANGAN	JUMLAH (RM)
ZAKAT PENDAPATAN	9,612,088.00
ZAKAT PERNIAGAAN	7,063,864.00
ZAKAT WANG SIMPANAN	1,335,885.00
ZAKAT SAHAM	36,938.00
ZAKAT KWSP	521,526.00
ZAKAT EMAS	198,244.00
ZAKAT PERAK	1,865.00
QADHA ZAKAT	102,335.00
ZAKAT HARTA	979,648.00
ZAKAT TANAMAN	84,017.00
JUMLAH	19,936,415.00



Rasulullah S.A.W bersabda:

“ Bentenglah harta kamu dengan **zakat** dan ubatilah penyakit kamu dengan sedekah ”

(riwayat Tabrani)

**Tunaikan
Zakat**
**Hak Asnaf Ada
Pada Anda**

Zakat Pulau Pinang

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang,
No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.

T: 04-549 8088

F: 04-530 6466

Hotline: 1 300 88 8808

www.zakatpenang.com



زكاة قريهاتين
Zakat Prihatin

**"Saya sudah membayar zakat,
anda bagaimana?"**



KAUNTER PERKHIDMATAN ZAKAT

BUKIT MERTAJAM (IBU PEJABAT)

No. 4, Jalan Perda Selatan,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam.
Tel : 04-549 8088
Faks : 04-530 6466

BUTTERWORTH

No. 65, Jalan Selat,
Taman Selat, 12000 Butterworth.
Tel : 04-331 3686
Faks : 04-332 1272

NIBONG TEBAL

No. 40, Jalan Jawi Jaya 1,
Taman Jawi Jaya, 14200 Jawi.
Tel : 04-583 3088
Faks : 04-583 3080

BALIK PULAU

208 D,
Jalan Sungai Pinang
11000 Balik Pulau.
Tel : 04-866 0299

KEPALA BATAS

No. 1204, Wisma Syeikh
Abdullah Fahim,
13200 Kepala Batas.
Tel : 04-578 3300

GEORGETOWN

No. 34, Lebuhr Buckingham,
10200 Georgetown.
Tel : 04-250 1000
Faks : 04-250 1001

BAYAN BARU

No. 81 Tkt. Bawah,
Persiaran Mahsuri,
1/3 Sunway Tunas,
11900 Bayan Lepas.
Tel : 04-646 9980
Faks : 04-646 9981

AYER ITAM

d/a. Masjid Negeri
Pulau Pinang,
Jalan Ayer Itam,
11500 Pulau Pinang.
Tel : 04-827 7488

www.zakatpenang.com

BORANG BAYARAN ZAKAT

MAKLUMAT PEMBAYAR/SYARIKAT

Sila Isikan Borang Dengan Menggunakan HURUF BESAR

Bersama ini disertakan cek/wang pos bernilai RM.....bagi bayaran zakat pendapatan/ wang simpanan/
saham/KWSP/ perniagaan/ emas/harta* bagi tahun.....kerana Allah Taala.

Nama : _____

No. KP (Lama): _____ (Baru): _____

Alamat Surat Menyurat : _____

Alamat Pekerjaan : _____

No. Tel. Pejabat : _____ No. Tel Bimbit : _____

Emel : _____ Tarikh : _____

Tandatangan : _____

* potong yang tidak berkenaan